

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR DATUK BOBBEY BIN SUAN

TARIKH : 4 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) statistik dan punca kemalangan yang melibatkan kenderaan berat bagi suku tahun pertama 2024; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian dalam merangka strategi bagi mengurangkan kemalangan melibatkan kenderaan berat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, sebanyak 10,461 buah kenderaan berat (pelbagai jenis) telah terlibat dalam kemalangan, di mana terdapat 54 kes kemalangan maut, 17 kes kemalangan menyebabkan cedera parah dan 75 kes kemalangan cedera ringan bagi suku tahun pertama 2024. Berikut adalah statistik kemalangan melibatkan kenderaan berat bagi suku tahun pertama 2024 tersebut;

BIL	JENIS KENDERAAN	KENDERAAN TERLIBAT	MAUT	PARAH	RINGAN
1	Lori Balak	2	0	0	0
2	Lori Bt/Pasir/Sampah	336	11	1	6
3	Lori Kecil	3100	12	9	26
4	Lori Kerajaan	2	3	1	1
5	Lori Kontena	5254	5	2	26
6	Lori Low Loader	50	3	1	3
7	Lori Polis	1	0	0	0
8	Lori Tanker	58	2	0	1
9	Lori Trailer	276	8	1	8
10	Bas Ekspres	325	3	1	0
11	Bas Henti-Henti	444	0	0	0
12	Bas Mini	47	1	0	1
13	Bas Pekerja	145	0	0	3
14	Bas Persiaran	209	1	0	0
15	Bas Sekolah	74	0	1	0
16	Traktor Besar	128	2	0	0
17	Traktor Excavator	9	3	0	0
18	Traktor Forklift	1	0	0	0
JUMLAH		10461	54	17	75

2. Merujuk statistik yang dikemukakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), antara punca kemalangan yang melibatkan kenderaan berat di Malaysia adalah:

- i) Kecuaian pemandu yang mengantuk;
- ii) Memandu melebihi had laju yang dibenarkan;

- iii) Kenderaan yang membawa lebih muatan/ muatan merbahaya/ muatan tidak kemas; dan
- iv) Kenderaan yang tidak diselenggara dengan baik (tiada bunga tayar /lampu signal/ brek tidak berfungsi).

3. Berhubung tindakan dalam merangka strategi bagi mengurangkan kemalangan melibatkan kenderaan berat, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui agensi di bawahnya iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah merangka dan melaksana beberapa strategi pelaksanaan. Segala tindakan yang dilaksanakan dan dirancang oleh Kementerian bersama pemegang taruh adalah merujuk kepada Pelan Tindakan: Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030.

4. Salah satu tindakan utama yang dilaksanakan bagi menangani isu ini adalah dengan mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan melibatkan pematuhan kepada peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 48 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, JPJ juga turut dibekalkan dengan 75 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut. JPJ juga giat menjalankan operasi bersepadu bersama pihak PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

5. Di samping itu, MOT bersama Kementerian Kerja Raya (KKR), sedang dalam proses akhir untuk membangunkan sistem "*High Speed - Weigh in Motion*" atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM ini, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan dalam waktu sebenar tanpa memerlukan kenderaan tersebut berhenti untuk ditimbang. Penggunaan sistem HS-WIM juga akan dapat mengurangkan kebergantungan tenaga manusia atau keberadaan anggota di lokasi operasi penguatkuasaan. Sistem HS-WIM dijangka dapat memperluaskan capaian, meningkatkan pematuhan dan memperkukuhkan lagi keberkesanan penguatkuasaan ke atas peraturan had muatan kenderaan motor serta menjadi penyelesaian jangka masa panjang dalam menangani isu had muatan kenderaan berat.

6. Selain itu, MIROS pula telah menjalinkan kerjasama bersama pihak industri bagi meningkatkan penggunaan teknologi keselamatan aktif pada kenderaan berat seperti Sistem Brek Kecemasan Automatik (*Automatic Emergency Braking* atau dikenali sebagai AEB) dan Sistem Pengesanan Titik Buta (*Blind Spot Detection System*, atau BSD). AEB adalah sistem keselamatan yang boleh menekan brek kenderaan secara automatik jika perlanggaran dikesan, manakala BSD adalah sistem pengesanan titik buta yang menggunakan teknologi radar atau gelombang mikro untuk membantu pemandu mengelakkan nahas jalan raya dan menukar lorong.

7. MIROS juga sedang merancang untuk menjalankan satu program yang diberi nama *TrackScore* dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia dalam usaha memastikan syarikat yang terlibat dengan aktiviti di jalan raya mempunyai sistem penjejakan yang lebih baik, cekap dan bermutu bagi pemantauan pemandu dan pematuhan had laju mengikut undang-undang jalan raya. Sebagai permulaan, MIROS menawarkan program ini kepada syarikat kenderaan berat untuk dilaksanakan secara sukarela.

8. Pada masa yang sama, advokasi bersama pengusaha dan pemandu kenderaan berat secara berterusan turut dilaksanakan oleh pihak JPJ. Advokasi yang dilaksanakan adalah merangkumi aktiviti-aktiviti seperti pemeriksaan dokumen, taklimat asas keselamatan (contoh titik buta, aksesori keselamatan, penilaian risiko) dan pembudayaan keselamatan jalan raya kalangan pemandu kenderaan berat. Sebanyak 106 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 kepada pengusaha dan pemandu kenderaan berat.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, orang awam juga boleh menjadi skuad komuniti dalam mengemukakan aduan berhubung kenderaan berat yang mencurigakan atau melakukan kesalahan jalan raya melalui Talian Aduan MOT 1-800-88-7723 atau Aplikasi WhatsApp +6019-2907723 atau emel di aduan@mot.gov.my. Talian aduan ini telah diwartakan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan berkuatkuasa bermula 15 Oktober 2023. Semua pengendali diwajibkan

NO. SOALAN: 13

untuk menukar pelekut ini dan telah diberikan tempoh satu tahun bagi menggantikan pelekut aduan yang lama iaitu Hotline SPAD 1-800-88-7723.

Sekian, terima kasih.

